

**TEKS UCAPAN
YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BERANANG,
SEMENYIH, SELANGOR**

**PADA 2 MEI 2018 (RABU),
JAM 11.00 PAGI,
DI PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN, BERANANG,
SELANGOR**

Yang saya muliakan,

Saudara Pengacara Majlis,

Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN Kawasan

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

Pemimpin-pemimpin masyarakat, penduduk-penduduk di kawasan

Tanjung Karang dan tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati.

Assalamualaikum, selamat petang, salam sejahtera dan salam 1

Malaysia.

1. Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama bertemu pada petang yang mulia ini bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Perumahan Rakyat Beranang, Semenyih, Selangor. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada petang ini di majlis yang amat bermakna ini.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

2. Sebagai sebuah Kerajaan yang berpegang kepada janji untuk mengkhidmati rakyat, Manifesto Barisan Nasional telah menggariskan Kediaman Untuk 1Negaraku dengan menyediakan Perumahan Keperluan Rakyat. Iltizam Kerajaan Barisan Nasional ialah agar setiap keluarga mampu tinggal dalam rumah yang selesa, sama ada secara milik sendiri atau menyewa. Justeru, untuk tempoh lima tahun mendatang, Barisan Nasional bertekad kukuh untuk meneruskan usaha menyediakan Rumah Mampu Milik yang berkualiti dan selesa kepada rakyat yang memerlukan.

3. Bagi memastikan rakyat khususnya dalam Kumpulan B40 dan M40 dapat menikmati kemudahan perumahan, Kerajaan menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan pelbagai **dana dan bantuan** seperti **Program Perumahan Rakyat (PPR), Skim MyDeposit, Skim MyHome, Skim Pinjaman Perumahan (SPP), Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M)** dan juga **Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia**.

4. Salah satu daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat adalah menerusi program Program Perumahan Rakyat (PPR). Pembinaan PPR yang bermula sejak RMKe-8 memberi peluang kepada rakyat yang berpendapatan isirumah tidak melebihi RM3,000 ringgit dan penduduk setinggan untuk memiliki atau menyewa rumah yang selesa pada harga yang amat mampu milik di kawasan-kawasan bandar mahupun pinggir bandar.

5. Di Negeri Selangor sahaja, Kerajaan telah dan sedang membina sebanyak **7,884** unit PPR. Daripada jumlah tersebut sebanyak **5,184** unit rumah PPR telah siap dibina, **900** unit sedang

dibina dan **1,800** unit dalam perancangan. Kesemua peruntukan bagi PPR di negeri Selangor ini berjumlah **RM743.12 juta**.

6. Khusus bagi projek PPR Beranang, Semenyih, Selangor Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak **RM25.6 juta** bagi pembinaan **160 unit rumah pangsa**. Kos bagi membina satu unit rumah PPR ini adalah sebanyak **RM160,000.00** dan akan dijual hanya dengan harga **RM35,000.00**. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan telah memberi **subsidi sebanyak RM125,000.00** per unit untuk bakal pembeli dari kalangan rakyat Selangor.

7. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan yang akan menerima rumah PPR ini dapat menghargai dan menjaga sebaik mungkin aset berharga ini agar dapat diduduki dengan selesa dalam jangka masa panjang. Kita perlu sentiasa berterima kasih kepada Kerajaan yang prihatin dan menepati janji dalam menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan rakyat.

Dengan ini, di majlis yang bersejarah pada petang ini, saya secara rasminya mengumumkan Pelancaran Program Perumahan Rakyat (PPR) Beranang, Semenyih, Selangor.

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.